

For immediate release

IDEAS welcomes new Dewan Rakyat Speaker and congratulates Prime Minister on vote of confidence but expresses strong concern over auto-resign clause in MOU

Kuala Lumpur, 19 December 2022: The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) welcomes Datuk Johari Abdul on his appointment as Dewan Rakyat Speaker. His appointment comes with very high expectations to carry out his duties firmly, impartially and fairly in what is anticipated to be a very challenging situation ahead in Parliament due to new alignments formed among parties.

IDEAS also congratulates Prime Minister Dato' Seri Anwar Ibrahim for having succeeded in winning a vote of confidence, which will further stabilise the current political situation. Commenting on the situation, IDEAS CEO Dr Tricia Yeoh says, "We congratulate the current government on its developments today. IDEAS hopes that the successful vote of confidence provides the government and the investing community assurance of political stability, which is so crucial in ensuring policy is implemented effectively."

Nevertheless, IDEAS would like to express strong concern over an auto-resign clause in the unity government's Memorandum of Understanding (MOU), in which Members of Parliament from coalition parties are deemed to have resigned their positions should they vote as they wish on any procedural matter in Parliament. "This move goes against the principle of freedom of association and borders on authoritarian behaviour, since Members of Parliament need to exercise their individual judgement on policy and legal matters and may on occasion take positions that differ from their political party. We fear that in the government's desire to achieve stability, it is instead pursuing a path towards curbing dissent", stated Dr Yeoh.

On this note, IDEAS would like to reiterate Perikatan Nasional's vital role as the opposition. As such, forming a Shadow Cabinet should be instituted as soon as possible to ensure checks and balances on the government. Following Perikatan Nasional's public statement on November 30th that they are in the midst of forming a Shadow Cabinet, the expectations would fall on the shadow cabinet ministers to hold up their end of the bargain and perform according to their portfolios.

Moving forward, IDEAS looks forward to working with all political parties to continue pursuing legislative institutional reform such as the Political Financing Act, Constituency Development Funds Act, Government Procurement Act and Fiscal Responsibility Act. In particular, meetings with the newly appointed Speaker and Minister of Law and Institutional Reform, as well as leaders of the various political blocs, including Opposition Leader, will be crucial.

Finally, IDEAS fully supports the recent statement by the Yang di-Pertuan Besar of Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni almarhum Tuanku Munawir that the executive branch should not have the exclusive benefit of nominating any of the nine members for the Judicial Appointments Committee (JAC). To improve on existing weaknesses as well as ensure greater independence of the judiciary, the suggestion to devolve such powers to other institutional bodies such as the Malaysian Bar and Parliament's special select committees must be considered seriously.

In the coming days, IDEAS will remain consistent in scrutinising appointments made by the 10th Malaysian Prime Minister. This includes the Attorney General, the Malaysian Anti-Corruption Commission Chief and the Election Commission Chief. We will also continue to perform tracking and monitoring of political appointments in Federal Statutory Bodies (FSBs) and expand to include selected Government Linked Companies (GLCs) that will be made available on our Pantau Kuasa website (<https://www.pantaukuasa.com>).

“On this note, it is disappointing to already see the reappointment of UMNO’s Ahmad Jazlan as FELCRA Chair several days after the government’s commitment to stop political appointments into GLCs. Ultimately, restoring public confidence and trust towards institutions is the equal responsibility of both the government and the opposition. Both are key players in how reforms will unfold in Malaysia in the immediate future and we stress the importance of all to play this role”, concluded Dr Yeoh.

--- END ---

For enquiries, please contact:

Halmie Azrie Abdul Halim
Executive, Democracy and Governance
halmie@ideas.org.my

Louis Denis
Manager, External Relations
louis@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia’s first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

Untuk siaran segera

KENYATAAN MEDIA

IDEAS alu-alukan Yang di-Pertua Dewan Rakyat baharu dan ucapkan tahniah kepada Perdana Menteri atas undi percaya tetapi zahirkan rasa bimbang terhadap klausa peletakan jawatan automatik dalam Perjanjian Persefahaman

Kuala Lumpur, 19 Disember 2022: Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) mengalu-alukan pelantikan Datuk Johari Abdul atas pelantikannya sebagai Yang di-Pertuan Dewan Rakyat. Pelantikan beliau diiringi harapan yang amat tinggi untuk untuk menjalankan tugasnya dengan tegas, saksama dan adil dalam situasi yang dijangkakan akan menjadi sangat mencabar di Parlimen berikutan jajaran baharu yang dibentuk dalam kalangan parti-parti politik.

IDEAS juga mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim kerana telah berjaya mendapatkan undi percaya di Dewan Rakyat, yang akan menstabilkan lagi keadaan politik semasa. Mengulas mengenai situasi ini, Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS Dr Tricia Yeoh berkata, "Kami mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan semasa atas perkembangan hari ini. IDEAS berharap kejayaan undi percaya ini memberikan jaminan kestabilan politik kepada kerajaan dan komuniti pelabur, yang sangat penting dalam memastikan dasar dapat dilaksanakan dengan berkesan."

Namun begitu, IDEAS ingin menyatakan kebimbangan terhadap klausa peletakan jawatan secara automatik dalam Perjanjian Persefahaman (MOU) kerajaan perpaduan, iaitu Ahli Parlimen daripada parti gabungan dianggap telah meletakkan jawatan mereka sekiranya mereka mengundi mengikut kehendak mereka dalam mana-mana perkara prosedur di Parlimen. "Langkah ini bertentangan dengan prinsip kebebasan berpersatuan dan amat hampir dengan tingkah laku autoritarian, memandangkan Ahli Parlimen perlu menggunakan pertimbangan masing-masing dalam hal dasar dan undang-undang dan mungkin kadang-kadang mengambil pendirian yang berbeza daripada parti politik mereka. Kami bimbang bahawa dalam hasrat kerajaan untuk mencapai kestabilan, ia sebaliknya membawa kepada membendung perbezaan pendapat", kata Dr Yeoh.

Sehubungan itu, IDEAS ingin mengulangi peranan penting Perikatan Nasional sebagai pembangkang. Pembentukan Kabinet Bayangan harus dimulakan secepat mungkin untuk memastikan semak dan imbang ke atas pihak kerajaan. Berikutan kenyataan awam Perikatan Nasional pada 30 November bahawa mereka sedang membentuk Kabinet Bayangan, jangkaan terhadap menteri kabinet bayangan untuk memenuhi janji dan melaksanakan tanggungjawab mengikut portfolio mereka.

Melangkah ke hadapan, IDEAS berharap dapat bekerjasama dengan semua parti politik untuk meneruskan reformasi institusi perundangan seperti Akta Pendanaan Politik, Akta Dana Pembangunan Kawasan, Akta Perolehan Kerajaan dan Akta Tanggungjawab Fiskal. Pertemuan dengan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Menteri Undang-undang dan Pembaharuan Institusi yang baru dilantik khususnya, serta pemimpin pelbagai blok politik, termasuk Ketua Pembangkang, akan menjadi amat penting.

Akhir sekali, IDEAS menyokong penuh kenyataan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir baru-baru ini bahawa cabang eksekutif tidak seharusnya mendapat faedah eksklusif untuk mencalonkan mana-mana daripada sembilan ahli Jawatankuasa Pelantikan Kehakiman (JAC). Untuk memperbaiki kelemahan sedia ada serta memastikan kebebasan badan kehakiman yang lebih besar, cadangan untuk menurunkan kuasa tersebut kepada badan institusi lain seperti Badan Peguam Malaysia dan jawatankuasa pilihan khas Parlimen mesti dipertimbangkan dengan serius.

Dalam hari-hari mendatang, IDEAS akan kekal konsisten dalam meneliti pelantikan yang dibuat oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10. Hal ini termasuk pelantikan Peguam Negara, Ketua Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Ketua Suruhanjaya Pilihan Raya. Kami juga akan terus melaksanakan penjejakan dan pemantauan lantikan politik dalam Badan Berkanun Persekutuan (FSB) dan memperluas untuk memasukkan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) terpilih yang akan tersedia di laman sesawang Pantau Kuasa kami (<https://www.pantaukuasa.com>).

“Dalam hal ini, adalah mengecewakan apabila melihat pelantikan semula Ahmad Jazlan daripada UMNO sebagai Pengurus FELCRA beberapa hari selepas komitmen kerajaan untuk menghentikan lantikan politik dalam GLC. Akhirnya, memulihkan keyakinan dan kepercayaan orang ramai terhadap institusi adalah tanggungjawab sama rata kerajaan dan pembangkang. Kedua-duanya adalah pemain utama dalam melaksanakan pembaharuan yang akan berlaku di Malaysia dalam masa terdekat dan kami menekankan kepentingan semua pihak untuk memainkan peranan ini”, kata Dr Yeoh memberikan kesimpulan.

--- TAMAT ---

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Halmie Azrie Abdul Halim
Eksekutif, Demokrasi dan Tadbir Urus
halmie@ideas.org.my

Louis Denis
Pengurus Perhubungan Luar
louis@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berdasarkan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.